

# Pupuk budaya kepemimpinan

» Pengawas SMK Sultan Ismail jalani latihan praktikal cabaran kemahiran memimpin menerusi pelbagai aktiviti

oleh Siti Rohana Idris  
pen@bh.com.my

► Kota Bharu

Latihan kepemimpinan bukan saja diterap menerusi teori semata-mata, sebaliknya turut digilap dengan praktikal bagi melayakkan seseorang pelajar itu mampu menjadi pemimpin suatu hari nanti.

Tidak dinafikan untuk menjadi pemimpin bukan suatu tugas mudah, kerana pemimpin yang bagus bukan berperanan sekadar mengarah orang bawahan tetapi perlu bijak menangani sesuatu situasi.

Bagi barisan pengawas Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Sultan Ismail, kemahiran memimpin diterap menerusi pelbagai acara yang dianjurkan di sekolah.

## Tingkat keyakinan pelajar

Bermula daripada penyediaan kertas kerja hinggalah selesai majlis, semua tugas terletak di bahu ahli jawatankuasa yang dipilih dan hanya dipantau seorang guru pengawas.

Pengetua SMK Sultan Ismail, Norizam Mohd Zain, berkata budaya itu diterapkan sebelum beliau berkhidmat sejak lima tahun lalu lagi dan meneruskannya berikutan teknik ber-



Sebahagian daripada 100 pengawas Tingkatan Satu hingga Tingkatan Enam SMK Sultan Ismail bergambar kenangan pada Majlis Makan Malam Pengawas dan Penganugerahan Sijil baru-baru ini. (FOTO SITI ROHANA IDRIS/BH)

kenaan berkesan bagi melatih pelajar untuk lebih yakin.

Beliau yang ditemui pada Majlis Makan Malam Pengawas dan Penganugerahan Sijil SMK Sultan Ismail baru-baru ini, berkata selain menjalankan tugas rutin, pengawas disediakan dengan penganjuran pelbagai program yang mana secara keselu-

ruhannya diuruskan oleh mereka.

## Dipenuhi pelbagai acara

"Saya mengambil contoh daripada majlis makan malam pengawas dan penganugerahan sijil yang diuruskan dalam masa seminggu oleh ahli jawatankuasa yang dilantik.

"Kesimpulan yang boleh dilihat

daripada majlis ini, berjalan lancar dan meriah sekaligus menunjukkan pemimpin yang dipilih tahu mengenai tugas masing-masing," katanya.

Majlis selama dua jam yang dihadiri 100 pengawas Tingkatan Satu hingga Enam itu padat dengan pelbagai acara antaranya pertunjukan slide mengenai program yang dianjurkan sepanjang tahun, pertunjukan bakat nyanyian pengawas diiringi cabutan nombor bertuah.

Sementara itu, Ketua Pelajar SMK Sultan Ismail, Muhammad Nasser Nordin, 19, mengakui budaya kepemimpinan yang diterapkan sepanjang empat tahun beliau bersekolah di situ membawa impak besar dalam mewujudkan keyakinan diri.

"Bukan saja aktif di sekolah, saya turut menggotai pelbagai kelab dan persatuan luar dan sering mengambil bahagian jika ada penganjuran sesuatu program," katanya.



Norizam Norizam mengumpamakan apa seperti Muhammad Nasser pada Majlis Makan Malam Pengawas dan Penganugerahan Sijil SMK Sultan Ismail baru-baru ini.

## 15 graduan ijazah IIC lakar sejarah

**Gombak:** Kolej Islam Antarabangsa (IIC) melakar sejarah buat julung kali apabila 15 graduan berjaya menamatkan pengajian dalam program BA (Hons) Pendidikan Awal Kanak-kanak (Antarabangsa) hasil kerjasama dengan Universiti Teesside, United Kingdom.

Majlis penganugerahan Ijazah Sarjana Muda dalam Pendidikan Awal Kanak-kanak (Antarabangsa) itu berlangsung di Sunway Resort Hotel, Bandar Sunway, baru-baru ini.

Pemangku Timbalan Ketua Eksekutif IIC, Nor Akma Farizan Yunus berkata, program Pendidikan Awal Kanak-kanak (Antarabangsa) itu adalah yang pertama di Malaysia dan mendapat kerjasama daripada Universiti Teesside serta diperakui oleh Agensi Kelayakan Malaysia (MQA).

Katanya, 15 graduan yang berjaya menamatkan pengajian ialah kum-

pulan pertama yang mengikuti program berkenaan selama dua tahun. Mereka juga adalah bekas pelajar IIC dalam program Diploma Pendidikan Islam Awal Kanak-kanak.

Majlis konvokesyen peringkat ijazah sarjana muda yang pertama IIC, itu disempurnakan oleh wakil Universiti Teesside, Naib Canselor, School of Social Sciences and Law, Dr Aulay Mckenzie dan Dr Keith Brown. Yang turut hadir ialah Dekan Sekolah Sains Sosial IIC, Arlina Rohaizey Muhammad Amdan.

## Setanding kolej lain

Nor Akma berkata, majlis itu adalah pengiktirafan buat IIC kerana mampu setanding dengan kolej swasta lain dalam menawarkan pengajian berasaskan kerjasama antara kolej di Malaysia dengan universiti luar negara. Beliau berkata, buat masa ini



Graduan IIC program sulung peringkat ijazah bergambar bersama-sama Nor Akma (berdiri enam dari kiri).

107 pelajar masih meneruskan pengajian di IIC dan daripada jumlah itu seramai 21 pelajar akan menjadi kumpulan kedua menamatkan pengajian tidak lama lagi.

"Hasil kajian dalam kalangan graduan yang menamatkan pengajian bagi kumpulan pertama itu, mereka melahirkan kepuasan mengikuti program

yang ditawarkan IIC hasil kerjasama dengan Universiti Teesside tanpa perlu berjujukan dengan keluarga.

"Peluang belajar di IIC adalah satu kelebihan buat mereka kerana suasana pembelajaran kondusif dan dibantu tenaga pengajar terlatih untuk menyampaikan modul yang telah dirancang dalam program berkenaan," katanya.

## Bengkel Asas Subjek

Bengkel ini merupakan peluang kepada murid Tahun Empat hingga Enam untuk menguasai subjek BM, BI, Matematik dan Sains lebih menyeluruh. Pengajaran secara berkumpulan dan berkonsepkan *fun learning*. Yuran hanya RM70 untuk sehari dan RM130 untuk dua hari termasuk makan dan minum. Pendaftaran terus kepada ejen berikut:

### ► KUALA LUMPUR (NSTP):

Kios Pendidikan BH, Balai Berita, 31, Jalan Riong, Kuala Lumpur. Hubungi 03-20569863/03-20569762/03-20569769.

### Tarikh:

- 26 Disember 2015 (BM)
- 27 Disember 2015 (BI)

### ► SEREMBAN (KOLEJ MARA):

Hubungi 012-6388449

### Tarikh:

- 23 Januari 2016 (BM)
- 24 Januari 2016 (BI)
- 30 Januari 2016 (Matematik)
- 31 Januari 2016 (Sains)

### ► SKUDAI (UTM):

Hubungi 019-7712512

### Tarikh:

- 22 Januari 2016 (Sains)
- 23 Januari 2016 (Matematik)
- 29 Januari 2016 (BM)
- 30 Januari 2016 (BI)

### ► MELAKA (KAYM):

Hubungi 012-6411877

### Tarikh:

- 23 Januari 2016 (Sains)
- 24 Januari 2016 (Matematik)
- 30 Januari 2016 (BM)
- 31 Januari 2016 (BI)

### ► KUALA TERENGGANU (UMT):

Hubungi 019-9419233

### Tarikh:

- 18 Disember 2015 (Matematik)
- 19 Disember 2015 (Sains)
- 25 Disember 2015 (BM)
- 26 Disember 2015 (BI)

### ► KUANTAN (KOLEJ KOMUNITI):

Hubungi 019-9391024.

### Tarikh:

- 19 Disember 2015 (Matematik)
- 20 Disember 2015 (Sains)
- 25 Disember 2015 (BM)
- 26 Disember 2015 (BI)

### ► KUCHING (DBKU):

Hubungi 013-8088406.

### Tarikh:

- 26 Disember 2015 (BI)
- 27 Disember 2015 (BM)
- 30 Januari 2016 (Sains)
- 31 Januari 2016 (Matematik)